

Persepsi Pensyarah Terhadap Penyelidikan: Satu Kajian di Kias, Kuis dan UniSHAMS

Lecturer's Perceptions Towards Research: A Study in Kias, Kuis and UniSHAMS

**Marina Muhammad Razaki¹, Linamalini Mat Nafi²
& Khairulnazrin Nasir³**

¹ (Corresponding Author) Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Kota Bharu, Kelantan, e-mail: marinarazaki@gmail.com

² Department of Arabic Language, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Kota Bharu, Kelantan, e-mail: vna3172@gmail.com

³ Department of Usuluddin, Sultan Ismail Petra International Islamic College, Kota Bharu, Kelantan, e-mail: khairulnazrin19@gmail.com

ABSTRAK

Pengajaran dan penyelidikan ialah dua syarat utama dalam kerjaya sebagai pensyarah di institusi pengajian tinggi. Kajian ini mengkaji penglibatan pensyarah dalam penyelidikan di tiga buah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia. IPTS yang terlibat dengan kajian ini ialah Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Sultan Abdul Halim Shah (UniSHAMS). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan dalam menjalankan penyelidikan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan. Soal selidik digunakan bagi mengumpul data kajian. Instrumen soal selidik mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A (Latar Belakang Responden) dan bahagian B (Faktor Penglibatan). Faktor penglibatan ini dikategorikan kepada lima faktor iaitu beban tugas, fasiliti atau infrastruktur, kemahiran, pengetahuan dan sumber kewangan. Sampel kajian terdiri daripada 239 orang pensyarah di ketiga-tiga buah IPTS tersebut. Hasil kajian ini mendapati bahawa persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan menjalankan penyelidikan berada pada tahap tinggi. Kesimpulannya, dapatan penyelidikan ini mampu memberi impak yang positif dalam dunia penyelidikan khususnya di ketiga-tiga institusi yang terlibat.

Kata Kunci: Persepsi; Faktor Penglibatan; Penyelidikan; Pensyarah

ABSTRACT

Teaching and research are the two main requirements as lecturers in Higher Education Institutions. This study examines the involvement of lecturers in research in three Private Higher Educational Institutions (PHEI) in Malaysia. PHEI

involved in this study were Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), Selangor International Islamic University College (KUIS) and Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah International Islamic University (UniSHAMS). This study aims to identify the lecturers' perceptions towards the involvement factors in conducting research. This study used quantitative methods applying survey. Questionnaires was used to collect research data. This questionnaire contained two parts, consist of part A (Respondent's Background) and part B (Involvement Factor). These involvement factors were categorized into five factors, listed as workload, facilities / infrastructure, skills, knowledge and financial resources. The study sample consisted of 239 lecturers in the three PHEI. The results of this study found that the lecturers' perceptions towards the involvement factors in conducting research were at a high level. As a conclusion, this research can significantly contributes a positive impact in the world of research, especially in these three involved institutions.

Keywords: Perception; Involvement Factors; Research; Lecturer

1. Pendahuluan

Aktiviti penyelidikan merupakan tonggak terpenting dalam mengukuhkan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Bagi memastikan ekonomi negara berkembang pesat dan ke arah penduduk berpendapatan tinggi, maka kerajaan memberi penekanan kepada bidang penyelidikan dan inovasi. Kejayaan penyelidikan adalah kritikal dalam meningkatkan kualiti pengajian tinggi ke arah menghasilkan harta intelek dan inovasi, mencipta ilmu baru dan menghasilkan penemuan baru yang berharga bagi membolehkan Malaysia menjadi hab pengajian tinggi yang unggul. Justeru, aktiviti penyelidikan telah menjadi agenda utama di IPT-IPT seluruh Malaysia.

Dengan penyelidikan, kualiti pensyarah dapat ditingkatkan melalui perkongsian pintar. Perkongsian pintar ini berlaku apabila penukaran dan aliran maklumat berlaku secara bebas. Dalam konteks mikro, perkongsian pintar ini berlaku apabila hasil dapatan penyelidikan dibincangkan dalam persidangan, seminar, bengkel dan penulisan ilmiah (Jantan, 2003). Namun, ada juga segelintir pensyarah yang kurang mengambil berat berkaitan kepentingan penyelidikan dalam membantu meningkatkan profesionalisme seseorang pensyarah (Jamil, 2016). Oleh yang demikian, kajian berhubung dengan penyelidikan ini sangat penting untuk dikaji. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan menjalankan penyelidikan. Responden kajian merupakan pensyarah daripada 3 buah institusi yang terpilih. Institusi terpilih adalah mewakili kolej swasta, kolej universiti swasta dan universiti swasta bagi melihat persepsi secara umum bagi institusi yang terlibat.

2. Sorotan literatur

Secara umumnya, konsep dan teori penyelidikan membawa pelbagai takrif. Penyelidikan diterjemahkan sebagai perbuatan atau hal menyelidik manakala penyelidikan dalam Bahasa Inggeris ialah '*re-search*' yang bermaksud mencari semula (Said, 2008). Penyelidikan tidak bersifat statik pada suatu tempat melainkan bergerak secara menyeluruh untuk menyelesaikan atau menyiapkan sesuatu. Oleh itu, sesuatu penyelidikan itu perlu melalui penelitian dan analisis situasi tentang sesuatu masalah dan mencari jalan penyelesaiannya. Dengan kata lain, penyelidikan ialah sesuatu usaha tersusun dan sistematik untuk menyelidiki sesuatu masalah tertentu yang memerlukan penyelesaian (Sarif, Mahmod & Kamaruddin, 2017). Istilah suatu bentuk penyelidikan juga membawa maksud proses dan kaedah untuk mengutip, mengumpul, dan menganalisis data bagi menghasilkan keputusan dan maklumat untuk meningkatkan pemahaman serta menyelesaikan masalah berkaitan dengan masyarakat (Hua, 2016; Hassan, 2015; Yahya, 2006; Sekaran, 2003). Ada juga segelintir berpendapat bahawa penyelidikan adalah suatu penyiasatan atau uji kaji yang bertujuan menemukan dan menginterpretasikan fakta-fakta, mengulang semula teori yang diterima dalam penemuan baru atau amalan penggunaan teori atau undang-undang dan peraturan baru atau yang diguna pakai semula (Baba, 1992). Sebagai rumusan, penyelidikan ialah satu bidang yang luas merangkumi segenap aspek kehidupan.

Ciri-ciri umum penyelidikan merangkumi metodologi yang sistematik dan berdisiplin, komitmen terhadap penerbitan hasil daripada penemuan dan ulasan pakar yang setanding. Unsur penerbitan penyelidikan juga berbeza mengikut disiplin dan boleh meliputi penerbitan hasil di dalam jurnal atau monograf atau buku ke persembahan komposisi kreatif (Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya, 2012). Aktiviti penyelidikan meliputi setiap kategori pembangunan ilmu, iaitu terdiri daripada penyelidikan asas (*fundamental research*); penyelidikan berbentuk pengujian atau pembangunan (*experimental research/developmental research*) dan penyelidikan gunaan (*applied research*) (Samsuri & Mohamed, 2001).

Selain itu, penyelidikan merupakan satu perkara atau aktiviti yang amat penting bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran serta pengetahuan para pensyarah. Melalui penyelidikan satu ilmu baru atau pengetahuan dapat dihasilkan. Dengan penyelidikan juga satu inovasi produk atau produk baru dapat dicipta (Sarif et al., 2017). Melalui penyelidikan, ilmu pengetahuan dapat dikembangkan dan disebar luas ke serata tempat. Penyelidikan mempunyai rasional yang tertentu ke arah menyumbang kepada pembinaan pengetahuan baru (Gorg & Gall, 1989). Penyelidikan bukan sahaja dapat memperlihatkan satu fenomena bahasa dengan lebih jelas malah akan menjadikan ilmu itu lebih sahih kesaintifikannya (Jalaluddin, 2006).

Selain itu, Marimuthu (2010) menyatakan bahawa penyelidikan juga dapat menghasilkan penemuan ilmu-ilmu baru. Penemuan ilmu baru membolehkan kita untuk mengetahui pengetahuan-pengetahuan baru.

Universiti berperanan sebagai penggerak idea terhadap kemajuan penyelidikan Negara (Hussain, Kamarulafizam & Najeb, 2004). Tambahan lagi, memperbanyakkan kegiatan penyelidikan di IPT dapat meningkatkan hasil harta intelek dan produk penyelidikan yang mampu dikomersialkan dan seterusnya menyumbang kepada pembentukan serta penemuan ilmu baru (Hassan, 2015). Antara cabaran ke arah universiti penyelidikan adalah keperluan anjakan paradigma dan perubahan budaya kerja, pengubahsuaian program akademik dan penyelidikan, keperluan infrastruktur, keperluan pembangunan sumber manusia, pemantapan sistem pengurusan penyelidikan dan pengajian siswazah, keperluan dana penyelidikan dan pengurusan serta perubahan struktur organisasi pengurusan penyelidikan dan akademik (Samsuri & Mohamed, 2001).

Pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan pendidikan merupakan salah satu unsur pembangunan profesionalisme pensyarah yang dapat meningkatkan kualiti pensyarah (Jantan, 2003) dan penyelidikan dapat meningkatkan tahap profesionalisme keguruan (Sironik & Goodlad, 1998). Tambahan pula, menurut Idris (2010), penyelidikan juga menyumbang ke arah penambahbaikan amalan yang mana penyelidikan memainkan peranan penting dalam penambahbaikan amalan-amalan sedia ada kerana maklumat baru yang diperoleh daripada hasil penyelidikan dapat dijadikan asas kepada cadangan-cadangan penambahbaikan sebagaimana contohnya seorang pendidik yang telah menguji keberkesanan suatu kaedah pengajaran baru bagi mengatasi masalah pembelajaran sains dalam kalangan pelajar lemah dikatakan telah menemui penyelesaian untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sains dalam kalangan pelajar lemah.

Kajian ke atas pensyarah Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam mendapati pensyarah kurang minat menjalankan penyelidikan atas sebab dua faktor iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman meliputi sikap, pemikiran dan perilaku pensyarah. Manakala faktor luaran melibatkan faktor prasarana, beban tugas dan juga faktor masa. Kajian ini juga mendapati bahawa faktor dalaman mempunyai implikasi yang lebih besar dalam mempengaruhi kelembapan aktiviti penyelidikan (Abdullah & Salleh, 2004). Justeru, kajian ini penting untuk dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan menjalankan penyelidikan.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan secara rentasan (*cross sectional survey*). Kajian secara rentasan digunakan untuk mengumpul maklumat daripada sampel populasi yang telah ditentukan terlebih dahulu, pada satu titik masa tertentu (Idris, 2010). Reka bentuk kajian ini dipilih kerana bersesuaian dengan objektif kajian iaitu mengenal pasti persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan bagi menjalankan penyelidikan di KIAS, KUIS dan UniSHAMS.

Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Borang soal selidik ini diubahsuai daripada kajian lepas mengikut kesesuaian kajian. Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu bahagian A (latar belakang responden) dan bahagian B (Faktor Penglibatan). Faktor penglibatan ini dikategorikan kepada lima faktor. Faktor pertama beban tugas (5 item), faktor kedua berkaitan fasiliti/infrastruktur (5 item), faktor ketiga berkaitan kemahiran (5 item), faktor keempat berkaitan pengetahuan (6 item) dan faktor kelima berkaitan sumber kewangan (3 item). Bilangan item soal selidik ini terdiri dari 24 item yang dibentuk berpanduan Skala Likert lima mata iaitu 1- sangat tidak setuju, 2- tidak setuju, 3- kurang setuju, 4- setuju dan 5- sangat setuju.

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan merupakan soal selidik yang telah dikembangkan daripada kajian Sarif et al., (2017). Kesahan kandungan soal selidik faktor kecenderungan pensyarah menjalankan penyelidikan ini diambil kira daripada pandangan dan cadangan rujukan pakar. Indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bagi konstruk faktor penglibatan (24 item) adalah 0.903. Manakala indeks kebolehpercayaan Alfa Cronbach bahagian beban tugas (5 item) di institusi di bawah konstruk faktor penglibatan adalah 0.490, bahagian infrastruktur di institusi (5 item) adalah 0.893, bahagian kemahiran (5 item) adalah 0.804, bahagian pengetahuan (6 item) adalah 0.905 dan bahagian sumber kewangan (3 item) adalah 0.950.

Populasi yang dipilih ditentukan berdasarkan populasi sasaran penyelidikan. Kebanyakan kajian eksperimen atau empirikal memerlukan pemilihan secara rawak atau sampel perwakilan yang diambil dari beberapa populasi (Anderson & Poole, 1970). Dalam kajian ini, populasi yang menjadi sasaran penyelidikan ialah para pensyarah yang berkhidmat di KIAS, KUIS dan UniSHAMS. Sampel kajian terdiri daripada 239 orang pensyarah daripada pelbagai bidang pengajian di tiga buah institusi yang terlibat. Kajian ini menggunakan teknik pensampelan berkadaran. Bagi interpretasi hasil kajian, kajian ini merujuk interpretasi skor min berdasarkan Oxford 1990 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Interpretasi Skor Min Oxford 1990


Interpretasi	Skala	Kenyataan Jawapan	Skor Min
Tinggi	5	Sangat Setuju	4.5 hingga 5.0
	4	Setuju	3.5 hingga 4.4
Sederhana	3	Tidak Pasti	2.5 hingga 3.4
Rendah	2	Tidak Setuju	1.5 hingga 2.4
	1	Sangat Tidak Setuju	1.0 hingga 1.4

4. Dapatan Kajian

4.1 Profil responden berdasarkan institusi

Berdasarkan dapatan kajian, seramai 75 orang (31.4%) merupakan pensyarah daripada UniSHAMS manakala 104 orang responden (43.5%) daripada KUIS dan 60 orang responden (25.1%) daripada KIAS seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.0.


Rajah 1.0: Profil Responden berdasarkan Institusi



4.2 Bilangan penyelidikan dari tahun 2013 hingga 2017

Rajah 2.0 menunjukkan data jumlah penyelidikan yang dijalankan oleh para pensyarah di ketiga-tiga institusi terpilih dalam tempoh 5 tahun terkini iaitu dari tahun 2013 hingga 2017. Seramai 81 orang pensyarah iaitu (34%) tidak membuat penyelidikan dalam tempoh 5 tahun terkini, manakala 94 orang pensyarah iaitu (39.3%) yang telah membuat satu hingga dua penyelidikan. Terdapat 37 orang responden iaitu (15.5%) menjalankan tiga hingga empat penyelidikan dan 8 orang responden iaitu (3.3%) melakukan lima penyelidikan. Manakala 19 orang lagi pensyarah iaitu (7.9%) yang menjalankan lebih daripada lima penyelidikan.

Rajah 2.0: Bilangan penyelidikan dari tahun 2013 hingga 2017



4.3 Persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan dalam penyelidikan

Kajian ini mengambil kira 5 faktor utama penglibatan pensyarah dalam menjalankan penyelidikan iaitu faktor beban tugas, fasiliti/infrastruktur, kemahiran, pengetahuan dan sumber kewangan. Berdasarkan Jadual 2.0, persepsi pensyarah terhadap faktor beban tugas di Institusi berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.30. Bagi item di bawah beban tugas, responden bersetuju terhadap item “banyak terlibat dengan aktiviti pentadbiran” menyebabkan mereka kurang menjalankan penyelidikan. Selain itu, mereka juga agak bersetuju bahawa “masa mengajar kurang daripada 15jam seminggu”, “tugas sampingan kurang daripada tiga (3)” dan “aktif dalam ko-kurikulum luar institusi” merupakan faktor kepada penglibatan mereka dalam menjalankan penyelidikan.

Jadual 2.0: Beban Tugas di Institusi

Item	Beban Tugas	Skor Min	Interpretasi
CA1	Masa mengajar kurang daripada 15 jam seminggu	3.41	Sederhana
CA2	Tugas sampingan kurang daripada tiga (3)	3.30	Sederhana
CA3	Banyak terlibat dengan aktiviti pentadbiran	3.56	Tinggi
CA4	Aktif dalam ko-kurikulum luar Institusi	3.21	Sederhana
CA5	Banyak masa terluang untuk penyelidikan	2.90	Sederhana
Keseluruhan		3.30	Sederhana

Bagi faktor infrastruktur di Institusi adalah berada pada tahap sederhana dengan skor min 3.06. Berdasarkan dapatan kajian yang ditunjukkan dalam Jadual 3.0, persepsi pensyarah terhadap “kemudahan internet mudah dicapai” merupakan faktor yang dipersetujui bagi

membolehkan mereka menjalankan penyelidikan dengan lebih giat. Selain itu, responden juga agak bersetuju terhadap “peralatan penyelidikan mencukupi” merupakan faktor penglibatan dalam penyelidikan.

Jadual 3.0: Infrastruktur di Institusi

Item	Infrastruktur	Skor Min	Interpretasi
CB1	Peralatan penyelidikan mencukupi	3.15	Sederhana
CB2	Kemudahan internet mudah dicapai	3.36	Sederhana
CB3	Buku berkaitan penyelidikan di perpustakaan adalah mencukupi	2.97	Sederhana
CB4	Hasil penyelidikan di perpustakaan adalah mencukupi	2.96	Sederhana
CB5	Jurnal di perpustakaan adalah mencukupi	2.84	Sederhana
Keseluruhan		3.06	Sederhana

Berdasarkan Jadual 4.0 iaitu faktor kemahiran, dapatan menunjukkan bahawa persepsi pensyarah adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.65. Skor min tertinggi adalah pada item “institusi menyediakan bengkel metodologi penyelidikan” diikuti dengan “institusi menyediakan bengkel penulisan artikel jurnal” seterusnya “institusi menyediakan bengkel penyediaan proposal penyelidikan”. Ini menunjukkan bahawa pensyarah memerlukan kemahiran metodologi, penulisan artikel jurnal dan penyediaan proposal penyelidikan supaya mereka lebih bersemangat menjalankan penyelidikan.

Jadual 4.0: Kemahiran

Item	Kemahiran	Skor Min	Interpretasi
CC1	Institusi menyediakan bengkel metodologi penyelidikan	3.85	Tinggi
CC2	Institusi menyediakan bengkel penyediaan proposal penyelidikan	3.72	Tinggi
CC3	Institusi menyediakan bengkel penulisan artikel jurnal	3.79	Tinggi
CC4	Terdapat ramai pakar rujuk di Institusi	3.42	Sederhana
CC5	Mudahnya mendapatkan bantuan dari pakar rujuk di luar Institusi	3.47	Sederhana
Keseluruhan		3.65	Tinggi

Jadual 5.0 menunjukan persepsi pensyarah terhadap pengetahuan adalah berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.81. Mereka bersetuju bahawa “beroleh pengetahuan penyelidikan daripada seminar yang dihadiri di luar Institusi”, “beroleh pengetahuan penyelidikan daripada seminar yang dihadiri di Institusi”, “berpeluang menghadiri kursus penyelidikan di Institusi”, “berkeyakinan tinggi dalam menjalankan penyelidikan”,

“berpeluang menghadiri kursus penyelidikan di luar Institusi” dan “berpengalaman melaksanakan penyelidikan” adalah faktor penglibatan mereka dalam menjalankan penyelidikan.

Jadual 5.0: Pengetahuan

Item	Pengetahuan	Skor Min	Interpretasi
CD1	Berkeyakinan tinggi dalam menjalankan penyelidikan	3.81	Tinggi
CD2	Berpengalaman melaksanakan penyelidikan	3.62	Tinggi
CD3	Berpeluang menghadiri kursus penyelidikan di Institusi	3.85	Tinggi
CD4	Berpeluang menghadiri kursus penyelidikan di luar Institusi	3.76	Tinggi
CD5	Beroleh pengetahuan penyelidikan daripada seminar yang dihadiri di Institusi	3.85	Tinggi
CD6	Beroleh pengetahuan penyelidikan daripada seminar yang dihadiri di luar Institusi	3.99	Tinggi
Keseluruhan		3.81	Tinggi

Jadual 6.0 menunjukkan sumber kewangan berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.82. Berdasarkan dapatan kajian, pensyarah bersetuju terhadap institusi menyediakan peruntukan dalam menghadiri kursus berkaitan penyelidikan dan membiayai penyelidikan merupakan faktor penglibatan mereka menjalankan penyelidikan. Selain itu, mereka juga bersetuju bahawa institusi perlu menyediakan pembiayaan terhadap penerbitan penyelidikan supaya dapat menggalakkan para pensyarah menerbitkan hasil penyelidikan yang dilakukan.

Jadual 6.0: Sumber Kewangan

Item	Sumber Kewangan	Skor Min	Interpretasi
CE1	Menyediakan peruntukan bagi membiayai penyelidikan	3.81	Tinggi
CE2	Menyediakan peruntukan dalam menghadiri kursus berkaitan penyelidikan	3.90	Tinggi
CE3	Menyediakan pembiayaan terhadap penerbitan penyelidikan	3.77	Tinggi
Keseluruhan		3.82	Tinggi

5. Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan hanya 66% orang pensyarah yang berjaya menghasilkan di antara 1 hingga 5 penyelidikan dalam tempoh lima tahun, manakala 34% orang pensyarah tidak menjalankan apa-apa penyelidikan dalam tempoh tersebut. Jumlah ini amat membimbangkan kerana ia seolah-olah menggambarkan bahawa para pensyarah kurang berminat untuk menjalankan penyelidikan. Berdasarkan hasil dapatan bagi persepsi

pensyarah terhadap faktor penglibatan, perbincangan hasil dapatan adalah seperti berikut:

5.1 Aktiviti Pentadbiran Beban Tugas Di Institusi

Para pensyarah bersetuju bahawa mereka menghadapi kekangan membuat penyelidikan kerana beban tugas di institusi. Interpretasi bagi faktor penglibatan beban tugas di institusi keseluruhan adalah sederhana (min = 3.30). Berdasarkan dapatan kajian, skor min beban tugas di institusi yang tertinggi pada item “banyak terlibat dengan aktiviti pentadbiran” (min = 3.56). Selain itu, antara yang menjadi halangan majoriti pensyarah untuk menjalankan kerja-kerja penerbitan adalah disebabkan oleh faktor beban tugas jawatan pentadbiran (min = 2.91). Kebanyakan pensyarah terlibat sama dalam aktiviti pentadbiran institusi masing-masing samada secara langsung atau tidak langsung. Terdapat juga pensyarah yang dilantik memegang jawatan-jawatan pentadbiran serta terlibat dalam pengurusan institusi sehingga menyebabkan keterbatasan pihak pensyarah untuk menjalankan penyelidikan. Faktor yang pertama adalah beban tugas yang menunjukkan bahawa masa mengajar pensyarah mengajar lebih daripada 15 jam seminggu yang paling mempengaruhi kecenderungan menjalankan penyelidikan (min = 3.41) manakala tugas sampingan kurang daripada tiga (min = 3.30) dan banyak terlibat dalam kerja pengurusan dan pengkeranian (min = 3.56) juga merupakan antara halangan bagi mereka untuk menjalankan penyelidikan.

Keinginan yang ada dalam menjalankan penyelidikan telah membuatkan mereka terpaksa menanggung dahulu untuk memberi laluan dan fokus kepada urusan pentadbiran selain fokus utama mereka terhadap pengajaran kuliah. Penglibatan-penglibatan dalam penyelidikan ini tidak dapat dibuat dan tidak dapat diteruskan atas pelantikan yang telah dibuat oleh pihak institusi. Selain daripada jawatan hakiki sebagai pensyarah yang mempunyai purata masa mengajar seminggu di antara 16 hingga 18 jam seminggu, pensyarah juga mempunyai jadual yang padat dengan aktiviti lain antaranya adalah aktiviti kokurikulum, memeriksa penilaian dan menilai kerja pelajar, melaksanakan tugas-tugas perkeranian, mengendalikan mesyuarat dan program kolej yang bukan professional serta arahan-arahan-arahan dalam menghadiri mesyuarat, mengawasi peperiksaan, menghadiri pelbagai kursus dan menjadi petugas dalam aktiviti institusi seperti konvokesyen dan khidmat masyarakat (Sarif et al., 2017).

5.2 Kemudahan Infrastruktur Melancarkan Penyelidikan

Faktor penglibatan infrastruktur di institusi, skor min keseluruhan adalah sederhana (3.06). Skor min tertinggi pada item “kemudahan internet mudah dicapai” (min = 3.36). Para responden setuju akan kemudahan fasiliti dan

infrastruktur melancarkan penyelidikan. Penyelidikan merupakan satu aktiviti penerokaan yang dijalankan secara saintifik dan mendalam mengenai sesuatu perkara bagi tujuan-tujuan tertentu (Hassan, 2015). Perjalanan penyelidikan haruslah teratur dan sistematik bagi memastikan sesebuah penyelidikan berjalan lancar dan tidak tertangguh oleh faktor-faktor sampingan dan faktor-faktor yang kecil. Kekuatan dan kemudahan internet untuk dicapai sangat mempengaruhi emosi seseorang penyelidik yang menjalankan penyelidikan. Kemudahan Internet sangatlah tidak boleh dipandang remeh dan enteng. Hal ini kerana, internet antara infrastruktur selain kecaknaan terhadap infrastruktur yang lain juga yang mampu untuk mempengaruhi pergerakan dan perjalanan penyelidikan yang dijalankan. Diantara cabaran ke arah universiti penyelidikan adalah keperluan anjakan paradigma dan perubahan budaya kerja, pengubahsuaian program akademik dan penyelidikan, keperluan infrastruktur, keperluan pembangunan sumber manusia, pemantapan sistem pengurusan penyelidikan dan pengajian siswazah, keperluan dana penyelidikan dan pengurusan serta perubahan struktur organisasi pengurusan penyelidikan dan akademik (Samsuri & Mohamed, 2001).

Di samping itu, pemantauan secara berkala juga perlu dibuat oleh bahagian penyelidikan terhadap infrastruktur yang sedia ada agar perancangan penyelidikan yang telah diluluskan dan dibuat tidak tergendala oleh faktor kerosakan dan sebagainya. Faktor kerosakan fasiliti dan infrastruktur mungkin boleh menjadikan penyelidikan tertangguh di atas ketidaktepatan pihak-pihak yang sepatutnya. Penyelidik juga perlu memainkan peranan memaklumkan lebih awal keperluan-keperluan yang ingin digunakan kepada pihak berkenaan agar tidak melambatkan perjalanan penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik. Kerjasama di antara para penyelidik, unit penyelidikan institusi serta institusi dalam memastikan kegiatan penyelidikan dan perkara yang melibatkan penyelidikan terjaga serta cukup akan menjadikan penyelidikan lebih mudah dan lancar untuk dijalankan.

5.3 Peningkatan Kemahiran Menulis Melalui Bengkel

Faktor penglibatan kemahiran skor min keseluruhan adalah tinggi (min = 3.65). Skor min tertinggi pada item “institusi menyediakan bengkel penulisan jurnal” (min = 3.79). Para responden memberikan respon positif akan penganjuran bengkel oleh pihak institusi kepada para pensyarah. Antara khidmat profesional yang dapat diberikan oleh ahli akademik adalah daripada segi penyebaran ilmu dan kemahiran yang ada kepada masyarakat bagi kepentingan bersama termasuk khidmat sebagai pakar rujuk oleh mana-mana jurnal, menjadi penasihat projek oleh mana-mana institusi, menjadi pemeriksa para pelajar sarjana dan doktor falsafah, menjadi perunding

kepada institusi-institusi kerajaan dan swasta dan memberikan ceramah berdasarkan kepakaran yang ada kepada masyarakat (Said, Rasdi, Samah & Silong, 2015).

Respon positif akan penganjuran bengkel oleh pihak institusi kepada para pensyarah dapat membuktikan bahawa setiap pensyarah pastinya mempunyai kemahiran menulis yang tinggi asbab penganjuran bengkel penulisan jurnal. Berdasarkan daripada aspek situasi diri pensyarah itu sendiri, analisis kajian mendapati bahawa kebanyakan pensyarah yang terlibat dalam kajian ini tidak merasakan bahawa faktor kurang motivasi diri dan kurang minat untuk menulis sebagai faktor yang boleh menjadi penghalang kepada mereka untuk menjalankan kerja-kerja penerbitan sepertimana yang ditetapkan oleh pihak fakulti (Ibrahim, 2017). Bengkel penulisan jurnal yang diadakan bukan hanya membentangkan tentang format jurnal sahaja bahkan menekankan aspek penulisan yang baik dan berkesan. Penulisan jurnal adalah sangat berbeza dengan penulisan penyelidikan dan artikel kerana jurnal merupakan skop kecil yang berimpak tinggi. Penerbitan jurnal bagi seorang penyelidik bukanlah sesuatu yang asing tetapi menghasilkan jurnal yang berkualiti tinggi bukanlah perkara yang mudah untuk dilaksanakan (Zulkifli, 2014). Kebanyakan jurnal akan dijadikan sebagai bahan rujukan dan juga dijadikan sebagai kajian literatur dalam penyelidikan penyelidik-penyelidik lain. Maklumat-maklumat yang selalu merujuk kepada kajian literatur adalah mengenai teori, reka bentuk kajian, kaedah mengumpul dan menganalisis data; manakala jenis sumber terbitan yang boleh digunakan dalam kajian literatur pula adalah buku, jurnal, suratkhobar, majalah, prosiding seminar atau konferensi, laporan kajian, tesis dan disertasi (Hua, 2016).

Penyelidikan sangat berkait rapat dengan penulisan. Setiap dapatan yang telah dikumpul perlulah ditulis sebagai laporan penyelidikan yang telah dibuat. Penulisan yang baik mampu menarik minat para pembaca untuk memahami penyampaian penyelidik dalam penyelidikan mereka. Penulisan sangat penting kerana segala dapatan penyelidik semuanya difahami melalui sebuah bentuk penulisan. Kepentingan kemahiran penulisan penyelidikan memberi impak yang sangat besar. Kemahiran penulisan perlulah dipupuk dan diasah agar setiap penyampaian dapat difahami oleh pembaca. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam kajian ini juga tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju untuk menjadikan alasan kurang kemahiran untuk menulis proposal penyelidikan sebagai faktor untuk tidak menerbit (Ibrahim, 2017).

Pengetahuan dan kemahiran dalam penyelidikan pendidikan merupakan salah satu unsur pembangunan profesionalisme pensyarah yang dapat meningkatkan kualiti pensyarah (Jantan, 2003). Profesional seseorang penyelidik itu dapat dinilai melalui bagaimana cara dia mempersembahkan dapatan penyelidikannya. Justeru, institusi perlu memainkan peranan penting

dengan menganjurkan bengkel kemahiran penulisan penyelidikan. Bengkel kemahiran perlulah dibuat secara berkala untuk memupuk para penyelidik lebih meminati penulisan penyelidikan serta mengasah penulisan mereka ke arah yang lebih baik. Persekitaran penyelidikan mampu dibentuk bukan sahaja dengan kegiatan penyelidikan yang bercambah namun juga dengan segala bentuk program dan bengkel yang berkaitan dengan penyelidikan samada dalam dan luar institusi. Dicapai agar pensyarah novis yang kurang pengetahuan dan kemahiran penyelidikan diberi peluang mengikuti kursus penyelidikan yang boleh meningkatkan lagi profesionalisme pensyarah (Jamil, Kannan & Mahayuddin, 2016).

5.4 Pemerolehan Pengetahuan Penyelidikan Dari Seminar

Skor min keseluruhan bagi faktor penglibatan pengetahuan adalah tinggi 3.81. Skor min tertinggi pada item “beroleh pengetahuan penyelidikan daripada seminar yang dihadiri di luar Institusi” (Min = 3.99). Berpanduan kepada analisis data hasil kajian maka dapatlah diketahui bahawa para pensyarah banyak melibatkan diri dalam seminar penyelidikan di luar institusi. Penglibatan para pensyarah dalam seminar menambahkan lagi pemerolehan pengetahuan penyelidikan pensyarah. Hal ini dikukuhkan lagi dengan hasil ujian Regresi Berganda yang menunjukkan bahawa pengetahuan mendorong pensyarah daripada KIAS dan KUIS menjalankan penyelidikan.

Sebelum membuat penyelidikan, setiap penyelidik perlu menambah pengetahuan mereka mengenai penyelidikan seperti konsep, teori, metodologi dan format sesebuah penyelidikan. Tidak dapat tidak pengetahuan perlu ditambah melalui pembacaan atau melalui seminar, bengkel dan sebagainya. Dengan nilai min yang paling tinggi menunjukkan pensyarah beroleh pengetahuan mengenai penyelidikan melalui seminar yang dihadiri di kolej komuniti (Sarif et al., 2017). Pensyarah yang ingin mendapatkan pengetahuan mengenai penyelidikan perlulah bergiat aktif di dalam menyertai seminar dan bengkel. Samada bengkel dan seminar tersebut diadakan di dalam institusi atau di luar institusi. Kemahuan para pensyarah di dalam menambahkan pengetahuan mereka pastinya memberikan nilai yang tinggi di dalam menjalankan penyelidikan. Kajian penyelidikan bukan sahaja dijalankan oleh saintis, penyelidik ataupun akademik, tetapi ia boleh diaplikasikan oleh semua lapisan masyarakat bagi meneruskan ilmu pengetahuan daripada generasi hingga kepada generasi yang akan datang dan sememangnya kajian penyelidikan merupakan pembelajaran pengetahuan bagi sepanjang hayat yang membawa kepada kemajuan dan perkembangan manusia sehingga ke tahap tinggi (Hua, 2016).

Penyelidikan yang baik adalah penyelidikan yang dapat dikembangkan dan dapat digunakan oleh penyelidik yang lain. Penyelidikan dan pengetahuan adalah dua perkara yang saling berkait rapat

maka untuk menjana pengetahuan yang berharga kalangan penyelidik, pengetahuan tersebut hendaklah dikongsi terlebih dahulu (Zulkifli, 2014). Para pensyarah perlulah menyedari akan kepentingan pengetahuan berkaitan penyelidikan. Seminar, bengkel dan program berkenaan dengan penyelidikan sangat penting sebagai persiapan setiap penyelidik sebelum membuat penyelidikan. Pengetahuan penyelidikan yang baik dapat menjadikan para pensyarah menjalankan penyelidikan mereka dengan lebih teliti dan teratur serta mengikut gaya dan format yang betul.

5.5 Peruntukan Kewangan Melancarkan Penyelidikan

Faktor penglibatan sumber kewangan memperoleh skor min yang agak tinggi iaitu 3.82. Skor min tertinggi adalah pada item “menyediakan peruntukan bagi membiayai penyelidikan” (Min = 3.90). Para responden bersetuju akan peruntukan pembiayaan institusi kepada penyelidikan. Faktor penglibatan penyelidikan juga dikaitkan dengan peruntukan dan pembiayaan kewangan penyelidikan oleh institusi. Walaupun penglibatan dalam penyelidikan memerlukan sokongan kewangan namun ia bukanlah bersifat materialistik semata. Hal ini adalah kerana, keperluan kewangan dalam penyelidikan sangatlah penting dan peruntukan kewangan sangat mempengaruhi kecenderungan para pensyarah untuk membuat penyelidikan (Sarif et al., 2017).

Setiap penyelidikan tidak lari daripada sebarang penggunaan wang bagi melancarkan perjalanan penyelidikan. Kini, setiap institusi telah memberi komitmen sepenuhnya dalam memberi peruntukan kepada penyelidik yang membuat penyelidikan yang dinamakan geran penyelidikan. Geran penyelidikan adalah peruntukan daripada institusi kepada penyelidik. Geran penyelidikan telah melancarkan perjalanan penyelidik dan ini antara inisiatif yang dapat membina suasana penyelidikan di setiap institusi. Peruntukan yang diperuntukkan tidaklah membawa kerugian kepada sesebuah institusi bahkan itu adalah petanda kemajuan kepada institusi. Terdapat juga geran penyelidikan yang diberikan khusus daripada kerajaan kepada sesebuah institusi untuk menjalankan penyelidikan. Peruntukan perlu diberi kepada penyelidik kerana penggunaan wang sendiri akan membebankan penyelidik untuk menjalankan penyelidikan dan akhirnya penyelidikan tersebut akan terkandas di tengah jalan. Gaji yang sedia ada sebagai seorang pendidik tidaklah mencukupi bagi seseorang penyelidik untuk menjalankan penyelidikan bahkan ia juga membuatkan penyelidik merasa tekanan untuk menyiapkan penyelidikan mereka. Antara masalah yang dihadapi oleh penyelidik adalah kurang peruntukan untuk menjalankan penyelidikan (Jantan, 2003).

Oleh demikian, kesimpulannya kajian ini akan memberikan impak yang besar serta membuka ruang perbincangan yang lebih luas mengenai

dunia penyelidikan. Selain itu, penyelidikan ini akan meneroka isu, cabaran serta masalah yang dihadapi dalam dunia penyelidikan serta memberikan cadangan solusi kepada setiap institusi yang terlibat. Justeru itu, kajian ini dapat dijadikan panduan untuk mewujudkan suasana penyelidikan yang lebih kompetitif dan kondusif serta membantu pihak pengurusan dalam merancang dan menyokong hal-hal yang berkaitan dengan penyelidikan seperti menyediakan dana yang mencukupi bagi membiayai penyelidikan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu institusi dalam menghasilkan penyelidikan yang berkualiti.

6. Cadangan

Hasil daripada rumusan serta perbincangan, beberapa cadangan dikemukakan bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan dalam kalangan pensyarah. Antara cadangan yang telah dikenal pasti ialah aktiviti penyelidikan boleh dijalankan dalam satu pasukan. Hubungan kerjasama serta kolaborasi di antara IPT juga perlu dipereratkan di samping mewujudkan saluran khidmat nasihat dan sokongan sumber penyelidikan. Pihak institusi juga perlu memperkenalkan sistem ganjaran untuk meningkatkan motivasi dan komitmen pensyarah sebagai penyelidik. Pensyarah yang berjaya menghasilkan penyelidikan berkualiti dan mendatangkan impak yang berkesan dalam penyelesaian masalah boleh diberi ganjaran kewangan dan sijil penghargaan. Pihak institusi perlu membuka peluang seluas-luasnya untuk pensyarah menyebarkan hasil kajian melalui buletin, jurnal serta menggalakkan pensyarah menghadiri dan membentangkan hasil kajian dalam seminar sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

7. Kesimpulan

Aktiviti penyelidikan seharusnya dijadikan budaya kerja dalam kalangan pensyarah bagi meningkatkan kualiti kerja (Jantan, 2014). Penyelidikan sangat penting dalam membangunkan sesebuah institusi ke peringkat yang lebih tinggi seterusnya menjadikan institusi tersebut lebih maju dan mampu memberi manfaat kepada negara. Institusi yang berjaya menjalankan penyelidikan yang berkualiti dan sentiasa konsisten menjalankannya akan menaikkan nama institusi tersebut sehingga ke peringkat antarabangsa dan menjadikan institusi tersebut sebagai institusi penyelidikan. Para pensyarah harus sedar akan kepentingan penyelidikan yang pastinya akan memberi kesan yang baik bukan sahaja kepada mereka tetapi masyarakat juga. Kajian ini sedikit sebanyak diharapkan dapat memberi maklumat berkenaan dengan persepsi pensyarah terhadap faktor penglibatan menjalankan penyelidikan dalam kalangan pensyarah KIAS, KUIS dan UniSHAMS.

Penghargaan

Kajian merupakan hasil daripada geran penyelidikan KIAS yang bertajuk “Faktor Kecenderungan Pensyarah Menjalankan Penyelidikan: Satu Kajian di KIAS, KUIS dan UniSHAMS”. Jutaan terima kasih diucapkan kepada Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan atas sumbangan kewangan serta sokongan dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, N. dan Salleh, U. (2004), ‘Kajian tentang faktor-faktor yang memberi implikasi terhadap penglibatan pensyarah Akademi Pengajian Bahasa’, *Universiti Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor*.
- Anderson, J. dan Poole, M. (1970), Penulisan tugasan dan tesis, trj. Marzita Puteh, Sadiah Baharom, Wangsa Maju, *Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad*, pp. 29.
- Baba, A. (1992), “Statistik Untuk Penyelidikan Dalam Pendidikan Dan Sains Sosial”, Bangi: *Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Dasar Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaya. (2012), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pp. 4.
- Gorg, W. R. & Gall, M. D. (1989), *Educational Research: An Introduction (Fifth ed.)*. New York: Longman.
- Hassan, Y. C. (2015), “Pengetahuan, Sikap Dan Kesedaran Pensyarah Dalam Pengamalan Penyelidikan Di Politeknik Premier”. (Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional yang tidak diterbitkan). *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat*.
- Hua, A. K. (2016), “Nota Revisi Mengenai penyelidikan dan kajian kes: Satu tinjauan literatur, *UPM Serdang*, pp. 52
- Hua, A. K. (2016), “Mengenai Penyelidikan Dan Kajian Kes: Satu Tinjauan Literatur”, *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12, 10, pp. 49.
- Hussain S., Kamarulafizam I. dan Najeb M. J. (2004), “Senario Penyelidikan di Malaysia: Rintangan dan Cabaran, *UTM Skudai*.
- Ibrahim, F. (2017), “Halangan Penerbitan Dalam Kalangan Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: Suatu Kajian Preliminari”, *Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Idris, N. (2010), *Penyelidikan dalam pendidikan*, Kuala Lumpur, *Mc Graw Hill*.
- Jalaluddin, N. H. (2006), “Budaya Penyelidikan Dan Penerbitan Bertamadun: Satu Sinergi”, *GEMA Online Journal of Language Studie Volume* 6(2), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamil, L., Kannan, B., dan Mahayuddin, Z. (2016), “Sikap-sikap Pensyarah Jabatan Ilmu Pendidikan Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh Terhadap Penyelidikan Dan Statistik”, *Institut Pendidikan Guru, Kampus Ipoh*, pp. 56.
- Jantan, N. (2003), “Isu-Isu Yang Dihadapi Dalam Pelaksanaan Penyelidikan Dan Pembangunan (R & D) Di Politeknik Merlimau Dan Kaedah Untuk Mengatasinya”, *Politeknik Merlimau Melaka*.
- Said, A. M. A. (2008), “Kaedah Penyelidikan Perniagaan”, Kuala Lumpur.
- Samsuri, A. dan Mohamed, Z. (2001), *Ke Arah Mewujudkan Sebuah Universiti Penyelidikan – Satu Cabaran, Prosiding Persidangan Kebangsaan Pengajaran & Pembelajaran IPTA*, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).
- Marimuthu, M. (2010), *Langkah-Langkah yang boleh diambil untuk Meningkatkan Kualiti Penyelidikan dan Inovasi di Institusi Pendidikan. Politeknik Merlimau, Melaka*.

- Said, M., Rasdi, R., Samah, A. dan Silong, D. (2015), “Pembangunan Kerangka Kerja Bagi Kejayaan Kerjaya Ahli Akademik Universiti Penyelidikan Di Malaysia
- Sarif, S. A., Mahmod, N. L. dan Kamaruddin, N. A. (2017), “Kecenderungan Menjalankan Penyelidikan Di Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Selandar, Melaka”, *e Proceeding National Innovation and Invention Competition Through Exhibition (iCompEx'17)*.
- Sekaran, U. (2003), *Research Methods for Business – A Skill Building Approach*, (4th Ed). *United States of America: John Wiley & Sons, Inc.*
- Sironik, K. dan Goodlad, J. (1998), *School-university partnerships in action: Concepts, cases and concerns. New York: Teachers College.*
- Yahaya, A. (2006), “Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan”, Selangor: *PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.*
- Zulkifli, N. A. (2014), “Kepentingan Pengetahuan Tacit Dalam Aktiviti Penyelidikan Dan Penerbitan”, pp. 3-4.

